Sistem Kewangan

Sistem Kewangan

SUMBER DAN KEGUNAAN DANA SISTEM KEWANGAN

Sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi secara keseluruhan, jumlah aset sistem kewangan meningkat dengan ketara sebanyak 12.8% kepada RM1,762.6 bilion pada tahun 2004 (2003: 12% kepada RM1,563.1 bilion). Pada akhir tahun tersebut, jumlah aset sistem kewangan adalah bersamaan dengan 394% daripada KDNK (akhir tahun 2003: 397%).

Aset sistem perbankan dan institusi pengantaraan kewangan bukan bank (NBFI) meningkat pada kadar yang lebih tinggi pada tahun 2004 berbanding dengan tahun 2003. Aset sistem perbankan meningkat 13.6% (2003: 13.2%), manakala aset NBFI meningkat 11% (2003: 9.7%).

Hasil daripada aktiviti penggabungan antara tiga bank perdagangan dengan tiga syarikat kewangan yang selesai pada suku ketiga tahun 2004, bahagian bank perdagangan daripada jumlah aset sistem kewangan meningkat kepada 41.8% (2003: 39%), manakala bahagian syarikat kewangan menurun kepada 3.9% (2003: 9.1%). Sementara itu, bahagian bank-bank Islam daripada jumlah aset sistem kewangan bertambah kepada 1.4% (2003: 1.3%), mencerminkan pengembangan berterusan industri perbankan Islam pada tahun 2004.

Semua segmen utama institusi pengantaraan kewangan bukan bank terus berkembang dengan

Jadual 4.1
Aset Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2004*a*
	2003	2004*a*	
	RM bilion		
Sistem perbankan	**122.4**	**142.9**	**1,189.9**
Bank Negara Malaysia	38.6	84.0	284.9
Bank perdagangan	66.3	128.1	737.1
Syarikat kewangan	11.2	-73.5	68.4
Bank Saudagar	2.8	-1.3	42.8
Bank-bank Islam	0.8	3.9	24.9
Syarikat diskaun	2.8	1.7	31.9
Pengantara kewangan bukan bank	**45.5**	**56.6**	**572.7**
Kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans	30.6	35.4	383.2
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*18.0*	*20.0*	*240.2*
Kumpulan wang simpanan dan pencen lain	*1.6*	*4.7*	*51.1*
Kumpulan wang insurans nyawa	*9.8*	*10.1*	*74.1*
Kumpulan wang insurans am	*1.2*	*0.6*	*17.8*
Institusi kewangan pembangunan[1]	6.6	11.2	90.3
Institusi kewangan lain[2]	8.3	10.0	99.2
Jumlah	**168.0**	**199.5**	**1,762.6**

[1] Termasuk Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Perbadanan Kemajuan Borneo, Bank Pembangunan Sabah Berhad, Perbadanan Kredit Sabah, Eksport-Import Bank Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), dan Lembaga Tabung Haji.

[2] Termasuk amanah saham yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan amanah saham Mara Berhad, pertubuhan-pertubuhan koperasi, syarikat pemajakan, syarikat pemfaktoran dan institusi kredit perumahan (termasuk Cagamas Berhad, Borneo Housing Mortgage Finance Berhad, dan Malaysia Building Society Berhad).

a Awalan

Graf 4.1
Aset Sistem Kewangan pada akhir tahun 2004*a* (% bahagian)



a Awalan

Jadual 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun
	2003	2004*a*	2004*a*
	RM bilion		
Sumber:			
Modal dan rizab	14.1	15.0	164.0
Mata wang	2.3	2.9	32.4
Deposit	74.7	126.2	835.6
Peminjaman	3.8	2.5	51.2
Dana dari institusi kewangan lain [1]	16.7	-15.5	72.0
Kumpulan wang insurans, simpanan dan pencen	31.3	33.6	339.2
Tanggungan lain	25.0	34.9	268.2
Jumlah	**168.0**	**199.5**	**1,762.6**
Kegunaan:			
Mata wang	-1.8	0.5	6.1
Deposit dengan institusi kewangan lain	38.4	21.3	247.6
Pinjaman dan pendahuluan [2]	38.8	56.3	655.6
Sekuriti	48.4	20.3	429.8
Bil Perbendaharaan	*-2.1*	*-3.1*	*0.4*
Bil Perdagangan	*0.1*	*-5.1*	*8.4*
Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	*20.8*	*14.6*	*139.8*
Korporat [3]	*27.5*	*14.0*	*268.2*
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	*t.d.*	*7.0*	*129.2*
Ekuiti	*t.d.*	*7.0*	*139.0*
Asing	*0.2*	*1.2*	*4.6*
Lain-lain	*1.8*	*-1.3*	*8.4*
Emas dan rizab pertukaran wang	38.6	83.6	249.7
Aset lain	5.5	17.6	173.9

[1] Termasuk rizab berkanun institusi perbankan.
[2] Tidak termasuk pinjaman yang telah dijual kepada Danaharta.
[3] Pecahan Sekuriti Korporat kepada Sekuriti Hutang Swasta dan Ekuiti mula diperoleh sejak tahun 2003.
t.d. Tidak diperoleh
a Awalan

Graf 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan pada akhir tahun 2004*a* (% bahagian)



a Awalan

kukuh pada tahun 2004. Aset kumpulan wang simpanan dan pencen yang merangkumi 16.5% daripada jumlah aset sistem kewangan pada akhir tahun 2004, meningkat sebanyak 9.3% pada tahun tersebut. Pulangan yang lebih tinggi daripada pelaburan dalam sekuriti hutang swasta dan ekuiti, serta daripada aktiviti pinjaman menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan portfolio aset kumpulan wang simpanan dan pencen pada tahun 2004.

Aset sektor insurans yang merangkumi 5.2% daripada jumlah aset sistem kewangan pada akhir tahun 2004, meningkat sebanyak 13.1% pada tahun tersebut (2003: 15.7%). Pertumbuhan sektor insurans didorong terutamanya oleh segmen insurans nyawa, yang mencatat pertumbuhan sebanyak 15.7% pada tahun 2004 (2003: 18%), manakala segmen insurans am

Graf 4.3
Pinjaman dan Pendahuluan mengikut Institusi (% bahagian)



a Awalan

Jadual 4.3
Haluan Kredit[1] kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun
	2003	2004*a*	2004*a*
	RM bilion		
Pinjaman dan pendahuluan	**35.6**	**54.3**	**611.9**
Pertanian	-0.8	0.7	14.0
Perlombongan dan kuari	0.1	-0.1	1.0
Perkilangan	1.2	2.5	58.5
Pembinaan dan harta tanah	-0.6	3.9	79.7
Pembelian harta kediaman	19.0	19.1	169.2
Perdagangan runcit dan borong, hotel dan restoran	-0.5	3.2	24.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1.3	0.0	15.4
Perkhidmatan perniagaan	0.6	1.6	22.1
Elektrik, gas dan bekalan air	-1.1	0.7	6.2
Kredit penggunaan	9.9	15.0	111.2
Pembelian saham	-1.8	-0.4	18.8
Lain-lain	8.3	8.0	91.8
Pelaburan dalam sekuriti korporat	**26.0**	**14.2**	**266.4**
Jumlah	**61.6**	**68.5**	**878.3**

[1] Tidak termasuk kredit kepada perusahaan awam bukan kewangan.
a Awalan

berkembang pada kadar yang lebih rendah, iaitu sebanyak 3.4% (2003: 7.8%).

Dari segi komposisi aset, pinjaman dan pendahuluan masih merupakan kategori aset terbesar yang dimiliki oleh sistem kewangan pada tahun 2004 yang merangkumi 37.2% daripada jumlah aset (2003: 38.3%). Walaupun institusi perbankan (terdiri daripada bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar, bank-bank Islam dan syarikat diskaun) terus merupakan pemberi pinjaman dan pendahuluan yang terbesar, mencakupi 78.1% daripada jumlah pinjaman dan pendahuluan pada tahun 2004, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans pula telah menambahkan bahagian mereka dalam aktiviti pemberian pinjaman sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pada tahun 2004, pinjaman dan pendahuluan bertambah sebanyak RM56.3 bilion atau 9.4% (2003: 6.9%). Sektor isi rumah terus menjadi pemacu utama permintaan pinjaman, dengan pinjaman pembelian harta kediaman dan kredit penggunaan mencakupi bahagian yang besar (62.9%) dalam peningkatan jumlah pinjaman dan pendahuluan yang disalurkan. Dalam sektor perniagaan, pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana terus berkembang dengan kukuh dan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.7% pada tahun 2004 (2003: 10%).

Pelaburan dalam sekuriti oleh sistem kewangan berkembang sebanyak 5% pada tahun 2004 (2003: 13.4%). Pertumbuhan yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan dalam pemegangan bil Perbendaharaan dan bil perdagangan oleh sistem kewangan, serta peningkatan yang sedikit dalam pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan sekuriti korporat (merangkumi sekuriti hutang swasta dan ekuiti). Institusi perbankan mengurangkan pemegangan sekuriti mereka sebanyak 11.6% atau RM12.2 bilion pada tahun 2004, mencerminkan peralihan sumber yang lebih banyak ke arah aktiviti pemberian pinjaman langsung. Walau bagaimanapun, pemegangan sekuriti yang lebih rendah oleh institusi perbankan telah diimbangi oleh peningkatan dalam pelaburan sekuriti sebanyak RM23.6 bilion atau pertumbuhan sebanyak 9.7% oleh kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans.

Graf 4.4
Haluan Kredit dalam Sektor Swasta Bukan Kewangan pada akhir tahun 2004*a* (% bahagian)



a Awalan

Sementara itu, pemegangan emas dan rizab pertukaran asing kasar mencatat kenaikan yang ketara sebanyak RM83.6 bilion atau 50.3% pada tahun 2004 (2003: RM38.6 bilion atau 30.3%). Peningkatan ini mencerminkan prestasi eksport yang lebih kukuh serta aliran masuk pelaburan langsung asing dan aliran portfolio yang lebih besar selaras dengan keyakinan pelabur yang bertambah baik.

Deposit masih merupakan sumber pembiayaan terbesar bagi sistem kewangan pada tahun 2004. Deposit yang diperoleh oleh sistem kewangan meningkat sebanyak RM126.2 bilion atau 17.8% pada tahun 2004 (2003: 11.8%). Daripada jumlah ini, 59% disumbangkan oleh institusi perbankan. Deposit yang disimpan di institusi perbankan mencakupi 78% daripada jumlah deposit sistem kewangan pada akhir tahun 2004 (2003: 81.4%).

Dari segi pemegang deposit, sektor swasta bukan kewangan (yang terdiri daripada individu dan perusahaan perniagaan) terus mencakupi bahagian yang besar (71.8%) daripada jumlah deposit yang disimpan dalam sistem perbankan dan IKP. Deposit yang disimpan oleh individu dalam sistem perbankan dan IKP meningkat sebanyak 9.3% pada tahun 2004 (2003: 9%), sementara deposit yang disimpan oleh perusahaan perniagaan meningkat sebanyak 17.2% (2003: 13.8%). Pertumbuhan deposit yang kukuh mencerminkan pendapatan boleh guna dan kekayaan kewangan yang lebih tinggi di kalangan isi rumah dan perusahaan perniagaan, sejajar dengan ekonomi yang bertambah kukuh.

Selain deposit, sumber dana utama yang lain bagi sistem kewangan turut meningkat pada tahun 2004.

Jadual 4.4
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan[1] dengan Sistem Kewangan[2]

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2004*a*
	2003	2004*a*	
	RM bilion		
Deposit[3] dengan:			
Bank perdagangan	36.0	87.9	433.9
Syarikat kewangan	0.2	-35.4	28.7
Bank saudagar	2.4	0.8	14.7
Bank-bank Islam	1.3	2.1	11.4
Syarikat diskaun	2.3	1.8	12.6
Bank Simpanan Nasional	0.2	1.6	9.9
Lain-lain[4]	7.8	5.3	36.3
Jumlah	**50.2**	**64.2**	**547.4**
Deposit permintaan	13.5	10.3	87.9
Deposit tabungan	4.5	5.5	74.1
Deposit tetap	25.8	34.8	342.8
antaranya:			
Sehingga 1 tahun	*37.3*	*33.7*	*314.9*
Lebih dari 1 tahun	*-11.5*	*1.1*	*28.0*
NIDs[5]	0.3	5.2	7.9
Repo[6]	6.1	8.3	34.8

1 Merujuk kepada deposit yang disimpan oleh perusahaan perniagaan (tidak termasuk PABK) dan individu.
2 Tidak termasuk kumpulan wang simpanan dan pencen, insurans, dan amanah saham.
3 Merujuk kepada deposit permintaan, tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga dan repo.
4 Termasuk institusi kewangan pembangunan, pertubuhan-pertubuhan koperasi dan institusi kredit perumahan.
5 Merujuk kepada instrumen deposit boleh niaga.
6 Merujuk kepada perjanjian belian balik.
a Awalan

Dana kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans meningkat sebanyak 11% (2003: 11.4%), manakala modal dan rizab meningkat sebanyak 10.1% (2003: 10.5%). Peningkatan modal dan rizab mencerminkan prestasi kewangan institusi perbankan dan IKP yang bertambah baik, serta dividen belum agih dana amanah saham yang lebih tinggi.

Graf 4.5
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan dengan Sistem Kewangan pada akhir tahun 2004*a* (% bahagian)



a Awalan